

BANKATAKAFUL



# *M-Tiara Critical Care*

**Bersama anda di saat kritikal**





## Bersama anda, di setiap peringkat.

**M-Tiara Critical Care** direka untuk membantu anda membiayai perbelanjaan yang mungkin dihadapi setelah didiagnosis menghadapi Kejadian yang Dilindungi, yang tidak ditanggung oleh pelan perubatan anda seperti ubat-ubatan yang dipreskripsi, rawatan alternatif dan penjagaan di luar bandar, serta perbelanjaan bukan perubatan termasuk sewa, pembiayaan kereta, caruman Takaful, kehilangan pendapatan dan banyak lagi.

Terdapat banyak perkara yang perlu difikirkan oleh anda dan keluarga anda apabila anda disahkan menghidap penyakit kritikal. Anda akan mengalami tekanan perasan yang tinggi. Membuat keputusan yang betul adalah penting. Keadaan kewangan anda juga tergugat. Kebimbangan ini agak normal untuk situasi yang sebegini, tetapi apakah yang akan terjadi sekiranya anda mengetahui anda mempunyai pelan sokongan? Sesetengah punca tekanan akan berkurangan. Anda yakin anda mampu mendapatkan rawatan atau memilih kaedah rawatan alternatif untuk anda dengan manfaat yang disediakan dan fikiran positif itulah yang menjadi rangsangan untuk anda menewaskan penyakit ini.

Bayaran manfaat di Peringkat Awal berjumlah 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan selagi sijil masih berkuatkuasa, anda boleh membuat tuntutan di Peringkat Awal sebanyak 3 kali, dengan jumlah bayaran sebanyak 150% daripada Jumlah Perlindungan Asas anda, sekaligus memberi anda pilihan seperti peluang mendapatkan rawatan yang wajar sebelum penyakit tersebut merebak atau sebagai bayaran bagi keperluan pemeriksaan yang mungkin anda hadapi sebelum diagnosis. Sekiranya anda disahkan menghidap penyakit kritikal Peringkat Pertengahan atau Peringkat Akhir Kejadian yang Dilindungi, **M-Tiara Critical Care** akan membayar manfaat anda sekaligus sehingga 150% daripada Jumlah Perlindungan Asas anda. Dengan perancangan yang teliti, **M-Tiara Critical Care** boleh membantu individu mendapatkan rawatan dan masa untuk pemulihan tanpa perlu berhutang. Ia juga boleh dijadikan dana untuk rawatan selanjutnya yang memerlukan pemindahan sementara, seperti menunggu untuk pemindahan organ.

Walau apa pun, matlamatnya adalah untuk anda pulih.

Dan **M-Tiara Critical Care** akan membantu anda berbuat demikian.

## Konsep Takaful

Takaful merupakan permuafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dari kalangan mereka seperti pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berasaskan konsep Tabarru' (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful.

## Manfaat sepintas lalu

- Manfaat Kejadian yang Dilindungi
- Manfaat Matang
- Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)
- Manfaat Kematian
- Khidmat Tambahan

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat*

**Manfaat  
Kejadian yang  
Dilindungi**

Terima bayaran manfaat berbentuk peratusan daripada Jumlah Perlindungan Asas<sup>1</sup> secara sekaligus apabila berlaku Kejadian yang Dilindungi.

No	Peringkat Kejadian yang Dilindungi	Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi
1	Angioplasti Dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	10% daripada Jumlah Perlindungan Asas ATAU RM25,000, yang mana lebih rendah.
2	Peringkat Awal	50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (tolak tuntutan Angioplasti ketika tuntutan kali ke-3 Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi sahaja); dan Baki amaun di dalam Akaun Individu Peserta (PIA) <sup>2</sup> (jika ada) untuk tuntutan kali ke-3 Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi sahaja).
3	Peringkat Pertengahan	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (tolak sebarang tuntutan untuk Angioplasti atau Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi); dan Baki amaun di dalam PIA (jika ada).
4	Peringkat Akhir	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (tolak sebarang tuntutan untuk Angioplasti atau Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi); dan Baki amaun di dalam PIA (jika ada).

- Rujuk kepada Lampiran untuk senarai penuh Kejadian yang Dilindungi

**Manfaat  
Matang**

Apabila sijil matang, anda akan menerima sebarang jumlah yang ada dalam Akaun Individu Peserta<sup>2</sup> (PIA)

<p><b>Manfaat Kematian / Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)</b></p>	<p>Sekiranya berlaku kematian sebelum tempoh matang sijil, atau sekiranya anda mengalami HUPK sebelum mencapai umur 70 tahun hari lahir berikutnya sejumlah manfaat akan dibayar secara sekaligus yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Sekiranya tiada tuntutan daripada Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas tolak tuntutan Angioplasti; dan</li> <li>(ii) Amaun di dalam PIA (jika ada)</li> </ul> </li> <li>(b) Sekiranya ada tuntutan daripada Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) 150% daripada Jumlah Perlindungan Asas tolak tuntutan Angioplasti dan Peringkat Awal Kejadian yang Dilindungi; dan</li> <li>(ii) Amaun di dalam PIA (jika ada)</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>Khidmat Tambahan</b></p>	<p><b>1. Khidmat Badal Haji</b></p> <p>Sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami HUPK, kami akan memastikan kewajipan Haji anda akan ditunaikan oleh badan atau organisasi berkaitan. Khidmat ini adalah pilihan tambahan dan anda harus mengisi Borang Perkhidmatan Badal Haji untuk memilih perkhidmatan ini.</p> <p><i>* Terhad kepada orang Islam sahaja dan jumlah manfaat yang diterima akibat kematian atau HUPK mestilah mencukupi untuk pemotongan bagi perkhidmatan ini.</i></p> <p><b>2. Khidmat Waqaf</b></p> <p>Sekiranya anda meninggal dunia, jumlah daripada Manfaat Kematian yang telah dipersetujui oleh anda akan disalurkan kepada badan waqaf yang dilantik oleh Great Eastern Takaful untuk perkhidmatan ini. Khidmat ini adalah pilihan tambahan dan anda harus mengisi Borang Perkhidmatan Waqaf.</p>

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat*

<sup>1</sup> Jumlah Perlindungan Asas dibayar daripada Dana Tabarru'. Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara peserta yang digunakan untuk membantu semua peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.

<sup>2</sup> Akaun Individu Peserta (PIA) adalah akaun bagi unit yang diperuntukkan, bergantung kepada jumlah caruman yang dibayar.

## Senario ringkas M-Tiara Critical Care

Encik Rosli berumur 35 tahun dan bertugas sebagai seorang Pengurus Jualan di sebuah pusat menjual kereta. Dia menyertai **M-Tiara Critical Care** dan mempunyai manfaat Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM100,000. 4 tahun kemudian, dia mula mengalami ketidakelesaan dan berjumpa doktorinya. Doktor telah mengesahkan Encik Rosli menghidap Penyakit Kronik Buah Pinggang di tahap tuntutan Peringkat Pertengahan.

Berdasarkan rekod perubatannya, Encik Rosli telah membuat tuntutan Peringkat Awal setahun yang lalu. Manfaat menyatakan bahawa untuk Peringkat Pertengahan (jika ada tuntutan Peringkat Awal), Encik Rosli berhak mendapat pembayaran 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas. Dengan manfaat yang diterima, Encik Rosli kini boleh mendapatkan bantuan perubatan untuknya untuk pulih sebaiknya.

No	Senario	Pergerakan Jumlah Perlindungan	Jumlah Perlindungan Asas (RM)	Manfaat yang Dibayar (RM)	Manfaat sekiranya kematian atau HUPK (RM)	Baki Manfaat untuk Kejadian yang Dilindungi (RM)	Caruman Tahunan (RM)
1	Tuntutan Peringkat Pertengahan/Akhir dengan tuntutan Peringkat Awal terdahulu	Jumlah Perlindungan Asas	100,000	-	100,000	150,000	2,000
		Tuntutan Peringkat Awal = (50% x RM100K) = RM50K	100,000	50,000	100,000	100,000	2,000
		Tuntutan Peringkat Pertengahan/Akhir = (150% x RM100K) – Tuntutan Peringkat Awal = RM100K	100,000	100,000		Ditamatkan	

## Dapatkan Ganjaran dengan Lebih Pengunderaitan dan Keuntungan Pelaburan

Dengan **M-Tiara Critical Care**, sebarang lebih pengunderaitan daripada Dana Tabarru' setelah melakukan penyelarasan yang sesuai akan disimpan untuk tujuan kecemasan dan keuntungan pelaburan daripada Dana Tabarru' (jika ada) akan dikongsi di antara semua peserta dan Pengendali Takaful dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih dan keuntungan Pelaburan tersebut akan dikreditkan semula ke dalam PIA.

Sebarang kerugian akan di bawa ke hadapan dan akan diambilkira sebelum dimasukkan dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun seterusnya.

*Nota: Lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan akan dikira secara tahunan.*

## Nikmati Pelepasan Cukai

Manfaat yang diterima daripada **M-Tiara Critical Care** tidak dikenakan cukai dan caruman yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai.

*Nota: Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.*

## Soalan Lazim

**S: Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum?**

J: Umur minimum adalah 30 hari dan maksimum adalah 55 tahun pada hari lahir berikutnya.

**S: Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?**

J: Anda boleh membuat caruman melalui GIRO/Autodebit, Kebenaran Debit Terus (DDA), Arahan Bank dan kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dan tunai hanya dibenarkan bagi caruman tahunan, separuh tahunan dan suku tahunan sahaja.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat*

**S: Apakah yuran dan caj yang dikenakan?**

**J: 1. Caj Pendahuluan (Yuran Wakalah)**

Caj Pendahuluan (sebagai % daripada caruman yang dibayar) adalah caruman yang tidak diperuntukkan dan digunakan untuk memenuhi perbelanjaan Pengendali Takaful dan kos pengagihan terus.

Caruman yang Dibayar (Tahunan)	Caj Pendahuluan (%)
1	65
2	65
3	50
4	50
5	40
6	35
7	15
8	15
9	15
10	15
≥11	10

**2. Tabarru':**

Tabarru' berbeza mengikut umur yang dicapai, jantina dan status merokok Orang yang Dilindungi. Tabarru' ditolak secara bulanan pada setiap permulaan bulanan Sijil.

*Nota: Caj-caj di atas tertakluk kepada semakan semula oleh kami dan anda akan diberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari.*



**S: Apakah pengecualian yang terdapat di bawah sijil ini?**

**A: 1. Pengecualian bagi Manfaat Kematian**

Waris anda atau penama anda tidak akan menerima sebarang manfaat dalam kejadian membunuh diri sama ada waras atau tidak waras, dalam tempoh tahun pertama bagi perlindungan Takaful.

**2. Pengecualian bagi Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)**

Anda tidak akan menerima sebarang manfaat di bawah Sijil ini jika HUPK Orang yang Dilindungi:

- (a) wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuatkuasa atau tarikh berkuatkuasa semula, yang mana terkemudian; atau
- (b) akibat kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau waras atau tidak waras; atau
- (c) kecederaan badan yang timbul dari aktiviti payung terjun, terjun udara atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang berbayar dari sebuah operasi penerbangan berlesen komersil pada laluan berjadual yang biasa; atau
- (d) akibat Anda melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Anda; atau
- (e) akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

**3. Pengecualian bagi Manfaat Kejadian yang Dilindungi**

Anda tidak akan mendapat sebarang manfaat sekiranya Kejadian yang Dilindungi:

- (a) sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Penyertaan atau Tarikh Permulaan, yang mana terkemudian; atau
- (b) disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Kami berhak meminta Orang yang Dilindungi menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum membenarkan sebarang tuntutan; atau
- (c) telah didiagnosis secara langsung atau tidak langsung, disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum Anda mencapai umur tujuh belas (17) tahun hari lahir berikutnya; atau
- (d) disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri.

*Nota: Senarai pengecualian adalah tidak menyeluruh. Untuk senarai penuh pengecualian, sila rujuk kepada kontrak sijil.*

## Notis Penting

1. **M-Tiara Critical Care** adalah pelan Takaful Keluarga dengan caruman berkala yang matang pada umur 85 tahun hari lahir berikutnya beserta manfaat perlindungan takaful keluarga.
2. Caruman dibayar sehingga umur 85 tahun hari lahir berikutnya atau sehingga HUPK, Kematian, atau sijil luput akibat tuntutan Kejadian yang Dilindungi.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
4. “Tempoh rujukan percuma” selama 15 hari daripada **tarikh penghantaran sijil** diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika sijil ini dikembalikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh ini, Pengendali Takaful akan mengembalikan suatu jumlah yang bersamaan dengan jumlah caruman yang dibayar, yang mana sijil itu dianggap terbatal dan liabiliti Pengendali Takaful akan terhenti.
5. Anda boleh menerima baki jumlah dalam PIA apabila pelan ditamatkan atau telah matang, yang mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PIA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru’.
6. Jumlah di dalam PIA adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah pelan ini akan ditanggung oleh anda dan jumlah PIA mungkin berkurangan daripada jumlah caruman yang dicarum ke dalam dana.
7. Jika anda menyerahkan sijil anda pada tahun yang awal, anda mungkin mendapat kurang daripada jumlah yang anda telah bayar.
8. Jika sijil anda beralih daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain atau anda mengganti sijil semasa anda dengan sijil lain dengan Pengendali Takaful yang sama, anda mungkin perlu menghantar permohonan di mana penerimaan cadangan anda adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan pada masa penukaran atau penggantian.

## LAMPIRAN – Senarai 36 Kejadian yang Dilindungi

Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi				
No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 3 Tahap

1	Penyakit Alzheimer/ Demensia Teruk	Penyakit Alzheimer Peringkat Awal	Penyakit Alzheimer Sederhana Teruk	Penyakit Alzheimer/ Demensia Teruk
2	Meningitis Bakteria	Meningitis Bakteria dengan Penyembuhan Penuh	Meningitis Bakteria Ringan	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
3	Kebutaan	Hilang Penglihatan pada Sebelah Mata	Atrofi Saraf Optik Retinitis Pigmentosa	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih
4	Pembedahan Otak	Pembedahan untuk Hematoma Subdural Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus Pemasukan Pintasan Serebrum	Membuang tumor otak menggunakan laluan transfenoidal Pembedahan Membuang Tumor Pituitari	Pembedahan Otak

### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 3 Tahap

5	Kanser	Karsinoma in situ Kanser Prostat Peringkat Awal Kanser Tiroid Peringkat Awal Kanser Pundi Peringkat Awal Leukemia Limfositik Kronik Peringkat Awal	Mastektomi untuk CIS Payudara atau Prostatektomi untuk Kanser Prostat Peringkat Awal	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
6	Anemia Aplastik Kronik	Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan	Sindrom Mielodisplastik atau Mielofibrosis	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
7	Koma	Koma selama 48 jam	Sawan yang Teruk Koma selama 72 jam	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan
8	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	Perikardektomi atau Pembedahan Kardium Lubang Kunci Pembedahan Laser Transmiokardium atau menggunakan Alat Kaunterpulsasi Luaran Dipertingkatkan	Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung secara Invasif Minimum (MIDCAB)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 3 Tahap

9	Kepekakan/ Hilang Pendengaran	Kehilangan Sebahagian Pendengaran	Pembedahan Implan Koklear	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih
10	Ensefalitis	Ensefalitis dengan Penyembuhan Penuh	Ensefalitis Ringan	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
11	Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir	Pembedahan Membuang Sebelah Buah Pinggang	Penyakit Buah Pinggang Tahap Kronik	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
12	Kegagalan Hati Tahap Akhir	Pembedahan Hati Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	Sirosis Hati Kolangitis Sklerosis Primer Kronik	Kegagalan Hati Tahap Akhir
13	Penyakit Paru- paru Tahap Akhir	Asma Teruk Trakeostomi Kekal (atau Sementara)	Pembedahan Membuang Sebelah Paru-paru	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir

### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 3 Tahap

14	Serangan Jantung	Pemasukan Perentak Jantung Serangan Jantung Kurang Teruk	Pemasukan Defibrilator Jantung	Serangan Jantung
15	Pembedahan Injap Jantung	Valvuloplasti/ Valvotomi Kardium Perkutaneus	Penggantian Injap Kardium Perkutaneus	Pembedahan Injap Jantung
16	Kelecuran Teruk	Melecur Teruk yang Ringan	Melecur Sederhana Teruk	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu
17	Trauma Kepala Utama	Pembedahan Pembentukan Semula Muka	Trauma Kepala Ringan	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
18	Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serius	Penyakit Arteri Koronari Peringkat Awal	Penyakit Arteri Koronari Sederhana	Penyakit Arteri Koronari Serius

### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 3 Tahap

19	Kelumpuhan/ Paraplegia	Kehilangan Penggunaan Sebelah Anggota Kecederaan Saraf Tunjang Serviks akibat Kemalangan Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi	Kehilangan Sebelah Anggota yang Memerlukan Anggota Palsu	Kelumpuhan Anggota
20	Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Peringkat Awal	Penyakit Parkinson Sederhana	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
21	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	Hipertensi Arteri Pulmonari Sekunder – Kelas III Pemasukan Penapis Vena Kava	Hipertensi Arteri Pulmonari Sekunder – Kelas IV	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu

### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 3 Tahap

22	Pembedahan Aorta	Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar atau Diseksi	Pembedahan Aorta Invasif Minimum	Pembedahan Aorta
----	------------------	--	----------------------------------	------------------

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 2 Tahap

23	AIDS Peringkat Teruk	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Serangan atau Pekerjaan	Tidak Berkenaan	AIDS Dengan Gejala Penuh
24	Hepatitis Viral Fulminan	Hepatitis B atau C yang Diperoleh Menerusi Pekerjaan	Tidak Berkenaan	Hepatitis Viral Fulminan
25	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) Peringkat Awal	Tidak Berkenaan	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
26	Hilang Pertuturan	Tidak Berkenaan	Hilang Pertuturan (selain daripada kecederaan atau sakit pada peti suara)	Hilang Keupayaan Bertutur



### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 2 Tahap

27	Pemindahan Organ Utama	Pemindahan Usus Kecil Pemindahan Kornea	Tidak Berkenaan	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
28	Sklerosis Multipel	Sklerosis Berbilang Peringkat Awal	Tidak Berkenaan	Sklerosis Multipel
29	Kardiomiopati Teruk	Kardiomiopati Hipertrofik	Tidak Berkenaan	Kardiomiopati – keterukan tertentu
30	Strok	Tidak Berkenaan	Pembedahan Arteri Karotid	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
31	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis	Lupus Eritematosus Sistemik	Tidak Berkenaan	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk

### Bayaran Manfaat untuk Peringkat Berbeza Kejadian yang Dilindungi

No	Kejadian yang Dilindungi	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir
		50% daripada Jumlah Perlindungan Asas	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)	150% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika tiada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada tuntutan Peringkat Awal); <b>ATAU</b> 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas (jika ada dua tuntutan Peringkat Awal)

### Senarai Kejadian yang Dilindungi Utama dengan 1 Tahap

32	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	Tidak Berkeanaan	Tidak Berkeanaan	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu
33	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	Tidak Berkeanaan	Tidak Berkeanaan	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
34	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan	Tidak Berkeanaan	Tidak Berkeanaan	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
35	Distrofi Otot	Tidak Berkeanaan	Tidak Berkeanaan	Distrofi Otot

No	Kejadian yang Dilindungi	Pembayaran Manfaat
36	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	10% daripada Jumlah Perlindungan Asas tertakluk kepada maksimum RM25,000 setiap Orang yang Dilindungi.

## Kadar Caruman setiap RM1,000 Jumlah Perlindungan

Umur Hari Lahir Berikutnya	Lelaki Merokok	Lelaki Tidak Merokok	Perempuan Merokok	Perempuan Tidak Merokok
1	38.76	26.73	30.26	21.40
2	39.58	27.28	30.89	21.82
3	40.45	27.84	31.56	22.27
4	41.33	28.42	32.24	22.73
5	42.24	29.02	32.94	23.20
6	43.18	29.64	33.67	23.69
7	44.17	30.29	34.43	24.20
8	45.18	30.96	35.22	24.74
9	46.23	31.66	36.03	25.29
10	47.32	32.38	36.87	25.86
11	48.44	33.12	37.74	26.45
12	49.60	33.89	38.63	27.06
13	50.79	34.69	39.56	27.69
14	52.03	35.51	40.51	28.33
15	53.30	36.36	41.50	29.01
16	54.62	37.23	42.51	29.69
17	55.99	38.14	43.56	30.40
18	57.39	39.07	44.63	31.13
19	58.84	40.03	45.74	31.88
20	60.34	41.03	46.89	32.66
21	61.89	42.05	48.07	33.45
22	63.50	43.12	49.30	34.28
23	65.16	44.22	50.57	35.14
24	66.89	45.37	51.88	36.02
25	68.68	46.55	53.24	36.94
26	70.53	47.78	54.64	37.89
27	72.46	49.06	56.10	38.87
28	74.46	50.39	57.60	39.89
29	76.54	51.77	59.16	40.94
30	78.70	53.20	60.77	42.02
31	80.94	54.69	62.97	44.08
32	83.27	56.24	66.65	46.58
33	88.27	59.30	70.61	49.26
34	93.87	62.99	74.85	52.13
35	99.91	66.98	79.41	55.21

Umur Hari Lahir Berikutnya	Lelaki Merokok	Lelaki Tidak Merokok	Perempuan Merokok	Perempuan Tidak Merokok
36	106.44	71.30	84.31	58.53
37	113.50	75.98	89.59	62.10
38	121.15	81.05	95.29	65.94
39	129.44	86.55	101.45	70.10
40	138.42	92.52	108.09	74.58
41	148.17	99.00	115.27	79.42
42	158.77	106.06	123.04	84.65
43	170.31	113.75	131.47	90.33
44	182.90	122.16	140.64	96.51
45	196.70	131.38	150.66	103.24
46	211.88	141.53	161.65	110.64
47	228.63	152.74	173.74	118.78
48	247.18	165.17	187.10	127.78
49	267.81	179.00	201.95	137.78
50	290.83	194.45	218.48	148.91
51	316.63	211.78	236.99	161.39
52	345.77	231.33	257.84	175.45
53	378.82	253.53	281.49	191.40
54	416.57	278.92	308.51	209.64
55	460.05	308.18	339.65	230.69

Kadar di atas tidak termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).

Kadar caruman di atas akan dikenakan selagi pelan pilihan anda masih berkuatkuasa dan mungkin berubah mengikut umur kemasukan, jantina dan status merokok. Kadar caruman adalah tidak dijamin dan tertakluk kepada semakan semula. Pengendali Takaful boleh menyemak semula kadar caruman dengan memberi notis bertulis selama 30 hari terlebih dahulu kepada Peserta.

## Penafian

**M-Tiara Critical Care** adalah pelan Takaful bertempoh dengan caruman berkala oleh Great Eastern Takaful Berhad (916257-H) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) hanyalah pengedar produk ini. Produk takaful keluarga ini bukan suatu deposit bank atau kewajipan atau dijamin atau dilindungi oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad. Produk takaful keluarga ini merupakan kewajipan Pengendali Takaful, Great Eastern Takaful. Semua pertanyaan berkenaan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada sijil ini hendaklah dibuat kepada Great Eastern Takaful. Bank Muamalat menafikan liabiliti yang timbul atas apa jua yang berkaitan dengan produk takaful keluarga ini.

**Istilah “Great Eastern Takaful” dan “Pengendali Takaful” merujuk kepada Great Eastern Takaful Berhad.**

**Istilah “Bank Muamalat” merujuk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad.**

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak takaful keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Manfaat, Risalah Pemberitahuan Produk, risalah pendidikan pengguna untuk MHT dan contoh sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini.

**Semua dana dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.**

**M-Tiara Critical Care** merupakan produk yang patuh Syariah.

Pelan ini diedarkan oleh:

**Bank Muamalat Malaysia Berhad**

Menara Bumiputra, Jalan Melaka

50100 Kuala Lumpur

Untuk menyertai, sila hubungi **1 300 88 8787**, lawati mana-mana cawangan Bank Muamalat atau layari **www.muamalat.com.my** untuk keterangan lanjut, terma dan syarat.

Pelan ini ditaja jamin oleh Great Eastern Takaful Berhad.

### **Mengenai Great Eastern Takaful Berhad**

Great Eastern Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang menyediakan perlindungan bagi pelan Takaful Keluarga dan pelan perubatan dan kesihatan. Pengendali Takaful ini telah ditubuhkan pada Disember 2010 dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ianya disokong oleh 2 institusi utama di Malaysia, Kumpulan Great Eastern, yang merupakan kumpulan insurans terbesar dan tertua di Malaysia dengan pengalaman melebihi 100 tahun, dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, salah satu syarikat koperasi yang terbesar di Malaysia dan mempunyai lebih daripada 140,000 ahli.



Ibu Pejabat:

**GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD** (916257-H)

Tingkat 3, Menara Great Eastern

303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: (603) 4259 8338 Fax: (603) 4259 8808

Careline: 1300 13 8338

Emel: [i-greatcare@i-great.com.my](mailto:i-greatcare@i-great.com.my)

Laman Web: [www.i-great.com](http://www.i-great.com)



Great Eastern Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Great Eastern Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

BANGATAKAFUL



# *M-Tiara Critical Care*

**With you in critical times**



